

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

1. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengoptimumkan peranan media bagi menarik perhatian awam tentang perkhidmatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selain media yang sedia ada iaitu pengedaran Buletin Mutiara?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Topik ini memerlukan pemahaman berhubung pemilikan badan-badan media dan juga parti pemerintah di peringkat Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh.

Bagi mengoptimumkan peranan media berhubung liputan perkhidmatan serta polisi-polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang selain media rasmi Buletin Mutiara, adalah menjadi prinsip Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk terus berkongsi serta menyalurkan segala maklumat secara telus dan tepat kepada semua badan-badan media di negeri ini. Malah, Kerajaan Negeri sentiasa berkongsi dan juga menyalurkan maklumat terkini kepada pihak-pihak berkaitan dari semasa ke semasa.

Dalam era teknologi ini, Kerajaan Negeri turut menggunakan media sosial dan laman sesawang rasmi untuk menyalurkan maklumat secara telus, tepat dan pantas kepada rakyat. Sebagai contoh, Y.A.B. Ketua Menteri telah menggunakan siaran *Facebook Live* setiap hari untuk memaklumkan status terkini serta usaha Kerajaan Negeri semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19. Peranan media sosial turut diberikan penekanan selain daripada media konvensional.